

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HKB 315 – Kajian Perbandingan Karya-Karya Klasik Timur
dan Barat**

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Pilih DUA soalan daripada **Bahagian A** dan DUA soalan daripada **Bahagian B**.

Bahagian A

1. Nyatakan sebab-sebab yang dikemukakan oleh para pengkaji Kesusasteraan Bandingan untuk menjelaskan mengapa wujudnya unsur-unsur persamaan dalam karya-karya agung yang dihasilkan oleh negara dan budaya yang berbeza? Berikan contoh-contoh khusus berdasarkan teks-teks yang telah anda baca.
2. Huraikan maksud “karya klasik”. Dengan merujuk kepada teks-teks Timur dan Barat, tunjukkan persamaan dan perbezaan cara masing-masing mengungkapkan persoalan-persoalan yang asas dalam masyarakat yang berbeza budayanya itu.
3. Berasaskan pendekatan generik, bandingkan drama **Shakuntala** karya Kalidasa, dengan drama **Antigone** karya Sophocles, khususnya dari aspek asal-usul, teori drama, punca konflik, dan juga tragedi dan unsur tragik.
4. Banding dan bezakan penampilan tema dalam puisi William Blake, **Songs of Innocence & Experience**, dengan karya Matsuo Basho, **Narrow Road to the Deep North**.

Bahagian B

5. [a] Huraikan perbezaan istilah pascakolonial (tanpa sengkang) dengan pasca-kolonial (dengan sengkang).

[b] Baca petikan di bawah dengan teliti:

In terms of which civilized men, the highest product of social evolution were large brain white men, and only large brained white men, the highest of organic evolution were fully civilized (H.M. Maier).

Berdasarkan pandangan Edward Taylor yang dikemukakan H.M. Maier dalam petikan di atas, tampilkan secara kritis bagaimana pandangan tersebut melahirkan teori-teori dan konsep-konsep seperti *Evolutionary Positivism Theory*, *The Great Divide Theory*, *White Man Burden's* dan *Knowledge is Power*.

6. Berdasarkan pendekatan tematik, bandingkan cerpen “Dia Senasib dengan Kerbaunya” karya Keris Mas dengan “The Force of Circumstance” karya W. Somerset Maugham. Fokus perbincangan anda adalah terhadap watak wanita peribumi dalam kedua-dua buah cerpen berkenaan.
7. Bincangkan perbezaan antara tafsir dengan takwil. Dengan menakwil lambang-lambang yang terkandung dalam teks “The Song of Songs” daripada **The Holy Bible** dan “Padamu Jua” karya Amir Hamzah, bandingkan penampilan tema kedua-dua teks berkenaan.
8. Berdasarkan puisi “Padamu Jua” karya Amir Hamzah dan “The Song of Songs” daripada **The Holy Bible** yang dilampirkan dalam Lampiran 1, bandingkan unsur-unsur gaya bahasa yang menimbulkan nikmat estetik daripada kedua-dua buah teks tersebut.

...Lampiran 1/-

...4/-

LAMPIRAN 1

“Padamu Jua”
(Amir Hamzah)

Habis kikis
Segala cintaku hilang terbang
Pulang kembali aku padamu
Seperti dahulu.

Kaulah kandil kemerlap
Pelita jendela di malam gelap
Melambai pulang perlahan
Sabar, setia selalu.

Satu kekasihku
Aku manusia
Rindu rasa
Rindu rupa.

Di mana engkau
Rupa tiada
Suara sayup
Hanya kata merangkai hati

Engkau cemburu
Engkau ganas
Mangsa aku dalam cakarmu
Bertukar tangkap dengan lepas

Nanar aku gila sasaran
Sayang berulang padamu jua
Engkau pelik menarik ingin
Serupa dara di balik tirai

Kasih mu sunyi
Menunggu seorang diri
Lalu waktu – bukan giliranku
Mati hari – bukan kawanku...

...The Song of Songs/-
...5/-

"The Song of Songs"

The song of songs, which is Solomon's.

Let him kiss me with the kisses of his mouth: for thy love is better than wine.

Because of the savour of thy good ointments thy name is as ointment poured forth, therefore do the virgins love thee.

Draw me, we will run after thee: the king hath brought me into his chambers: we will be glad and rejoice in thee, we will remember thy love more than wine: the upright love thee.

I am black, but comely, O ye daughters of Jerusalem, as the tents of Ke'dar, as the curtains of Solomon.

Look not upon me, because I am black, because the sun hath looked upon me: my mother's children were angry with me; they made me the keeper of the vineyards; but mine own vineyards have I not kept.

Tell me, O thou whom my soul loveth, where thou feedest, where thou makest thy flock to rest at noon: for why should I be as one that turneth aside by flocks of thy companions?

If thou know not, O thou fairest among women, go thy way forth by the footsteps of the flock, and feed thy kids beside the shepherds' tents.

(Chapter 1: hlm. 721)
The Holy Bible